

# **PENGUASAAN DAN PENGGUNAAN BAHASA INGGERIS DALAM KALANGAN PELAJAR-PELAJAR PKPG KEMAHIRAN HIDUP UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

Adibah Abdul Latif & Azizah Binti Abu Hanifah  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak:** Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan dan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar PKPG di Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Seramai 120 orang pelajar tahun 4, Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai telah dijadikan responden untuk kajian ini. Kaedah kajian yang digunakan adalah berbentuk tinjauan menggunakan instrumen soal selidik. Dapatan kajian ini dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 11.5 bertujuan untuk mendapatkan nilai peratus, kekerapan, min, Ujian-t dan korelasi. Hasil kajian mendapati secara keseluruhannya penguasaan dan penggunaan bahasa Inggeris responden adalah pada tahap sederhana dan terdapat hubungan yang signifikan di antara penguasaan dan penggunaan bahasa Inggeris. Kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penggunaan bahasa Inggeris manakala terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penguasaan bahasa Inggeris merentas jantina.

**Abstract:** This research was carried out to identify the English proficiency and uses level among the PKPGs' students of Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia. This research involved 120 final year PKPG, UTM of Educational Bachelor (Living Skills) students as the respondent. The research design was a survey research using questionnaire as an instrument. The findings of this research have been analyzed by using the SPSS version 11.5 in order to find the percentage value, frequency, mean, ttest and correlation. The research outcome concluded that all the respondents' English proficiency and uses level were in the moderate level and there is a significant relationship between English proficiency and uses. This research indicated that there were no significant differences towards the use of English language across gender, while there was a significant difference towards the proficiency of English language across gender.

*Katakunci:* bahasa Inggeris, tahap penguasaan

## **Pengenalan**

Bahasa Inggeris juga merupakan bahasa yang paling utama atau bahasa nombor satu dunia. Ia dilihat sebagai bahasa yang membolehkan penduduk dunia berinteraksi secara mudah dan berkesan di era perkembangan pesat dan teknologi moden seperti pengenalan televisyen satelit, telefon selular dan rangkaian komputer malahan hamper 99 peratus maklumat dalam internet adalah dalam bahasa Inggeris (Ahmad Zahri Jamil, 2002). Ia menjadi sangat penting kerana globalisasi dan pengantarabangsaan telah mengubah struktur kerjaya, mempengaruhi pendidikan, latihan kemahiran dan mencabar reka bentuk kurikulum dalam budaya majmuk serta pendidikan kosmopolitan. Dalam konteks ini, penguasaan bahasa Inggeris menjadi salah satu indikator graduan cekap berbahasa, berkomunikasi dan berhujah, kekuatan berfikir dan menyelesaikan masalah, kecerdasan emosi dan sifat kepimpinan.

## **Pernyataan Masalah**

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji penguasaan dan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar PKPG. Adakah pelajar-pelajar ini betul-betul fasih dan boleh menguasai bahasa Inggeris sepenuhnya.

Mungkinah juga di sebabkan kelemahan menguasai bahasa Inggeris ini menyebabkan mereka gagal untuk mendapat keputusan yang baik.

Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji hubungan antara penguasaan bahasa Inggeris dengan penggunaan bahasa tersebut dalam kalangan pelajar-pelajar PKPG serta melihat perbezaan merentas jantina.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk:-

1. Mengetahui tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar PKPG UTM, Skudai.
2. Mengetahui tahap penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar PKPG UTM, Skudai.
3. Mengetahui hubungan antara penguasaan dengan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar PKPG UTM, Skudai.
4. Mengetahui perbezaan antara penguasaan dan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar PKPG UTM, Skudai merentas jantina.

### **Kepentingan Kajian**

Kegagalan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar adalah suatu perkara yang mengecewakan banyak pihak. Lebih-lebih lagi jika ianya berlaku dalam kalangan bakal-bakal guru yang terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap penguasaan dan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar-pelajar PKPG UTM, Skudai.

Secara khususnya kepentingan kajian ini diharapkan dapat membantu pihak UTM bagi mengetahui tahap penguasaan dan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar-pelajar PKPG, supaya pihak UTM dapat mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengatasi masalah-masalah yang timbul berdasarkan dapatan kajian ini.

Kajian ini juga mendedahkan kepada pelajar-pelajar PKPG UTM, Skudai gambaran sebenar tahap penguasaan dan penggunaan bahasa Inggeris mereka. Oleh itu pelajar-pelajar PKPG boleh memperbaiki dan mempertingkatkan lagi usaha mereka bagi menguasai bahasa tersebut dengan lebih baik ke arah kecemerlangan sistem pendidikan negara.

Bagi tenaga akademik, usaha perlu dijalankan supaya pembelajaran di kelas menitikberatkan kemahiran penguasaan bahasa Inggeris supaya pelajar-pelajar PKPG berpeluang memahirkan diri dalam bahasa tersebut. Ini secara langsung dapat mengukuhkan lagi persediaan pelajar menghadapi keperluan berkomunikasi dalam bahasa Inggeris apabila bertugas sebagai guru kelak.

Bahagian Pendidikan Guru (BPG) perlu peka dengan keperluan penguasaan dan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan semua bakal-bakal guru dan tidak hanya tertumpu kepada guru-guru sains, matematik dan teknikal memandangkan semua guru merupakan medium terpenting dalam melahirkan masyarakat yang mahir dan berpengetahuan dalam bahasa Inggeris.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dapat mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar PKPG yang akan terlibat secara langsung sebagai tenaga pengajar mata pelajaran teknikal apabila tamat pengajian kelak.

Di atas kepentingan-kepentingan yang dinyatakan itulah, mendesak penyelidik untuk membuat kajian ini.

## **Skop Kajian**

Kajian ini telah dilakukan terhadap kumpulan pelajar PKPG Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Pelajar-pelajar ini merupakan pelajar tahun 4.

Kajian penyelidikan ini terbatas kepada lokasi, tajuk, masa, sampel dan kewangan yang ditetapkan seperti berikut:

- a) keputusan, analisis dan kesimpulan bagi kajian ini hanya relevan untuk pelajar PKPG tahun 4SPH sahaja.
- b) pengkaji hanya menggunakan satu jenis instrumen kajian sahaja iaitu dengan menggunakan borang soal selidik.
- c) penggunaan dan penguasaan bahasa Inggeris ditekankan pada aspek kemahiran membaca, bercakap, menulis dan mendengar.
- d) masa untuk menjalankan kajian penyelidikan ini kurang daripada setahun.
- e) pengkaji tidak mengambil kira aspek lain yang ada pada responden selain aspek yang dikaji.
- f) hasil kajian bergantung kepada kejujuran responden semasa menjawab borang soal selidik.

## **Metodologi**

### **Populasi Kajian dan Sampel Kajian**

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar PKPG tahun empat Kemahiran Hidup, Fakulti Pendidikan seramai 124 orang. Penyelidik menggunakan keseluruhan populasi sebagai responden. Bilangan ini telah ditolak dengan diri penyelidik. Walaubagaimanapun, hanya 120 orang yang memulangkan borang soal selidik, maka responden bagi kajian ini adalah seramai 120 orang sahaja.

### **Instrumen Kajian**

Dalam kajian ini, tahap penguasaan dan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan PKPG akan dikaji dengan menggunakan soal selidik. Penyelidik telah memilih kaedah soal selidik dalam kajian ini sebagai instrumen kerana perkara-perkara berikut :

- i. Maklumat yang diperolehi adalah tepat dan lengkap.
- ii. Soal selidik adalah sesuatu yang seragam dan semua responden yang menjawab soalan akan menjawab soalan-soalan yang sama.
- iii. Soal selidik dapat menjimatkan masa, perbelanjaan dan tenaga penyelidik.
- iv. Responden mungkin lebih selesa memberikan respon melalui soal selidik berbanding melalui temuramah dan pemerhatian.

Menurut Mohd Najib (2003), soal selidik ialah alat atau instrumen yang digunakan untuk mengukur tingkah laku responden dan produk kepada penggunaan alat pengukur ini adalah data. Pembinaan soal selidik pula, dilakukan adalah berdasarkan kepada beberapa perkara yang telah dikemukakan oleh Wolf (dalam Megat Azizi, 2002), iaitu:-

- i) Responden dapat membaca dan memahami item-item dalam soal selidik dengan baik.
- ii) Responden mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi untuk menjawab item-item di dalam soal selidik.
- iii) Responden secara sukarela dan ikhlas menjawab soal selidik.

Bahagian A mengandungi soal selidik yang terdiri daripada item-item demografi responden seperti jantina, bangsa, pengalaman mengajar dan keputusan MUET. Responden dikehendaki menandakan tanda ✓ pada ruang yang disediakan.

Bahagian B pula terdiri daripada bahagian yang mengandungi soalan yang berkaitan dengan tahap bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar-pelajar PKPG. Bahagian pertama berkaitan dengan penguasaan bahasa Inggeris responden dari aspek bertutur, mendengar, menulis dan membaca sementara bahagian kedua pula berkaitan dengan kekerapan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan responden. Soal selidik ini melibatkan 44 item kesemuanya.

### **Kajian Rintis**

Tujuan utama kajian rintis dijalankan adalah bagi menentukan kebolehpercayaan dan kesahan instrumen. Ianya membolehkan penyelidik mengenal pasti kekurangan item soal selidik dan instrumen kajian dalam membuat beberapa perubahan supaya tidak menjejaskan hasil kajian Sprinthal ( dalam Megat Azizi, 2002). Menurut Mohd Najib (2003), kajian rintis ialah satu aktiviti yang penting bagi setiap kajian tinjauan di mana selain daripada menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, ia juga digunakan untuk menguji kaedah terbaik mentadbir instrumen, mengenal sampel dan kesesuaian kaedah analisis. Oleh sebab itu, bagi memastikan instrumen kajian yang digunakan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan, satu kajian rintis perlu dijalankan sebelum kajian sebenar dilaksanakan.

Maklumat yang diperolehi dari kajian rintis dianalisis untuk mengetahui nilai kebolehpercayaannya. Penyelidik menguji kebolehpercayaan melalui *Alpha Cronbach* dengan menggunakan perisian SPSS Versi 11.5. Jadual 3.7 dan 3.8 di atas menunjukkan kebolehpercayaan item bagi kajian rintis yang dijalankan. Kebolehpercayaan soal selidik dibahagikan mengikut konstruk. Konstruk B (I) iaitu penguasaan pengetahuan dalam mata pelajaran yang diajar dalam bahasa Inggeris ialah 0.854, bagi konstruk penguasaan bahasa Inggeris di dalam kelas pula ialah 0.831 manakala nilai kebolehpercayaan yang diperolehi bagi konstruk penguasaan kemahiran berkomunikasi (lisan dan bertulis) di dalam bahasa Inggeris ialah 0.936. Nilai kebolehpercayaan bagi keseluruhan konstruk B (I) ialah 0.950.

Bagi konstruk B (II) iaitu penggunaan bahasa Inggeris dalam komunikasi secara lisan dalam kehidupan harian memperoleh nilai kebolehpercayaan sebanyak 0.821, manakala nilai bagi kebolehpercayaan konstruk penggunaan bahasa Inggeris semasa membuat rujukan ialah sebanyak 0.709 dan bagi konstruk penggunaan bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian ialah 0.893. Nilai kebolehpercayaan bagi keseluruhan konstruk B (II) ialah 0.919.

Nilai *Alpha Cronbach* bagi keseluruhan item soal selidik ini ialah 0.963 dan nilai ini merupakan satu nilai yang tinggi. Nilai keseluruhan yang diperolehi menunjukkan soal selidik ini boleh diguna pakai serta menunjukkan itemnya boleh diterima.

## Keputusan

Jadual 1, 2 dan 3 di bawah menunjukkan hasil analisis yang telah dijalankan ke atas persoalan kajian yang pertama. Ia bertujuan untuk mengetahui apakah tahap penguasaan bahasa Inggeris bagi pelajar PKPG UTM, Skudai.

### Konstruk : Penguasaan Pengetahuan Dalam Mata Pelajaran Yang Diajar Dalam Bahasa Inggeris

**Jadual 1:** Analisis Maklumbalas Responden Terhadap Item-item Penguasaan Pengetahuan Dalam Mata Pelajaran yang diajar dalam Bahasa Inggeris

| No.<br>Item       | Soalan                                                                               | SL |      | L  |      | S  |      | B  |      | SB |     | Mean                   |
|-------------------|--------------------------------------------------------------------------------------|----|------|----|------|----|------|----|------|----|-----|------------------------|
|                   |                                                                                      | F  | %    | F  | %    | F  | %    | F  | %    | F  | %   | SD                     |
| 5                 | Membina ayat bahasa Inggeris dengan betul menggunakan perkataan yang baru dipelajari | 15 | 12.5 | 47 | 39.2 | 46 | 38.3 | 12 | 10   | 0  | 0   | 2.46<br>(0.84)         |
| 6                 | Menghasilkan penulisan menggunakan bahasa Inggeris dengan baik                       | 19 | 15.8 | 63 | 52.5 | 27 | 22.5 | 11 | 9.2  | 0  | 0   | 2.25<br>(0.83)         |
| 13                | Menyiapkan tugas yang diberikan dalam bahasa Inggeris dengan betul                   | 7  | 5.8  | 56 | 46.7 | 34 | 28.3 | 16 | 13.3 | 7  | 5.8 | 2.67<br>(0.98)         |
| 14                | Memahami maksud sesuatu ayat yang ditulis dalam bahasa Inggeris                      | 23 | 19.2 | 70 | 58.3 | 17 | 14.2 | 10 | 8.3  | 0  | 0   | 3.12<br>(0.81)         |
| 15                | Membaca frasa ayat yang ditulis dalam bahasa Inggeris dengan sebutan yang betul      | 3  | 2.5  | 31 | 25.8 | 59 | 49.2 | 19 | 15.8 | 8  | 6.7 | 2.98<br>(0.89)         |
| <b>Min purata</b> |                                                                                      |    |      |    |      |    |      |    |      |    |     | <b>2.70<br/>(0.76)</b> |

(n = 120)

Merujuk kepada maklum balas yang diberikan pada jadual di atas, nilai min yang diperolehi bagi item yang ke-14 adalah paling tinggi iaitu 3.12. Nilai min yang paling rendah bagi konstruk pengetahuan dalam mata pelajaran yang diajar dalam bahasa Inggeris ialah 2.25 iaitu item yang ke-6, dimana terdapat 19 orang responden yang beranggapan tahap penguasaan mereka dalam mata pelajaran yang diajar dalam bahasa Inggeris adalah lemah.

Bagi item 13 dan 15, nilai min bagi item tersebut ialah masing-masing 2.67 dan 2.98. Item 13 menunjukkan 7 orang responden atau 5.8% sangat lemah tahap penguasaan mereka dalam mata pelajaran yang diajar dalam bahasa Inggeris, manakala 56 orang responden pula atau 46.7 peratus adalah lemah. Item ke-15 pula menunjukkan terdapat 34 orang responden atau 28.3 peratus lemah.

Secara keseluruhannya, tahap penguasaan responden dalam mata pelajaran yang diajar dalam bahasa Inggeris adalah sederhana. Ini jelas dilihat dari nilai min purata yang diperolehi iaitu sebanyak 2.70.

### Konstruk : Penguasaan Bahasa Inggeris Di Dalam Kelas

**Jadual 2:** Analisis Maklumbalas Responden Terhadap Item-item Penguasaan bahasa Inggeris di dalam Kelas

| No.<br>Item       | Soalan                                                                          | SL |      | L  |      | S  |      | B  |      | SB |     | Mean<br>SD             |
|-------------------|---------------------------------------------------------------------------------|----|------|----|------|----|------|----|------|----|-----|------------------------|
|                   |                                                                                 | F  | %    | F  | %    | F  | %    | F  | %    | F  | %   |                        |
| 3                 | Memahami pengajaran yang disampaikan dalam bahasa Inggeris dengan baik          | 7  | 5.8  | 23 | 19.2 | 73 | 60.8 | 11 | 9.2  | 6  | 5.0 | 2.88<br>(0.84)         |
| 4                 | Berbincang dengan pensyarah menggunakan bahasa Inggeris dengan lancar dan betul | 23 | 19.2 | 57 | 47.5 | 26 | 21.7 | 11 | 9.2  | 3  | 2.5 | 2.28<br>(0.96)         |
| 10                | Memahami buku teknikal yang ditulis dalam bahasa Inggeris dengan baik           | 11 | 9.2  | 45 | 37.5 | 46 | 38.3 | 13 | 10.8 | 5  | 4.2 | 2.63<br>(0.94)         |
| 11                | Membaca frasa ayat yang ditulis dalam bahasa Inggeris dengan nahu yang betul    | 9  | 7.5  | 36 | 30.0 | 50 | 41.7 | 22 | 18.3 | 3  | 2.5 | 2.78<br>(0.92)         |
| 12                | Memahami arahan yang diberikan secara lisan dalam bahasa Inggeris               | 25 | 20.8 | 63 | 52.5 | 22 | 18.3 | 10 | 8.3  | 0  | 0   | 3.14<br>(0.84)         |
| <b>Min purata</b> |                                                                                 |    |      |    |      |    |      |    |      |    |     | <b>2.75<br/>(0.79)</b> |

(n = 120)

Jadual 2 menunjukkan analisis maklumbalas yang diperolehi terhadap item-item penguasaan bahasa Inggeris di dalam kelas. Satu item menunjukkan nilai min yang rendah iaitu kurang dari 2.34 dan empat lagi item menunjukkan nilai min sederhana iaitu 2.63, 2.78, 2.88 dan 3.14.

Nilai min 3.14, merupakan nilai min tertinggi yang diperolehi dari item ke-12. Item ini menunjukkan seramai 10 orang responden atau 8.3 peratus boleh memahami arahan yang diberikan secara lisan dalam bahasa Inggeris

Nilai min yang paling rendah pula ialah bagi item ke-4 iaitu 2.28. Item ini menunjukkan 80 orang responden atau 66.7 peratus adalah lemah ketika berbincang bersama pensyarah dengan menggunakan bahasa Inggeris dengan lancar dan betul .

Secara keseluruhannya, tahap penguasaan bahasa Inggeris responden di dalam kelas adalah sederhana. Ini jelas dilihat dari nilai min purata yang diperolehi iaitu sebanyak 2.75.

**Konstruk : Penguasaan Kemahiran Berkomunikasi (Lisan Dan Bertulis) Dalam Bahasa Inggeris**

**Jadual 3:** Analisis Maklumbalas Responden Terhadap Item-item Penguasaan Kemahiran Berkomunikasi (lisan dan bertulis) Dalam Bahasa Inggeris

| No.<br>Item       | Soalan                                                                                       | SL |      | L  |      | S  |      | B  |      | SB |     | Mean<br>SD             |
|-------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------|----|------|----|------|----|------|----|------|----|-----|------------------------|
|                   |                                                                                              | F  | %    | F  | %    | F  | %    | F  | %    | F  | %   |                        |
| 1                 | Bercakap bahasa Inggeris dengan perbendaharaan betul                                         | 13 | 10.8 | 52 | 43.3 | 41 | 34.2 | 14 | 11.7 | 0  | 0   | 2.47<br>(0.84)         |
| 2                 | Menyalin nota pembelajaran menggunakan bahasa Inggeris dengan betul                          | 9  | 7.5  | 28 | 23.3 | 57 | 47.5 | 19 | 15.8 | 7  | 5.8 | 2.90<br>(0.96)         |
| 4                 | Berbincang dengan pensyarah menggunakan bahasa Inggeris dengan lancar dan betul              | 23 | 19.2 | 57 | 47.5 | 26 | 21.7 | 11 | 9.2  | 3  | 2.5 | 2.30<br>(0.96)         |
| 8                 | Menggunakan bahasa Inggeris dengan lancar dan betul ketika perbincangan dalam kumpulan       | 14 | 11.7 | 57 | 47.5 | 34 | 28.3 | 12 | 10.0 | 3  | 2.5 | 2.44<br>(0.91)         |
| 9                 | Membuat pembentangan hasil projek/ tugas menggunakan bahasa Inggeris dengan lancar dan betul | 12 | 10.0 | 67 | 55.8 | 27 | 22.5 | 11 | 9.2  | 3  | 2.5 | 2.39<br>(0.88)         |
| 16                | Menulis dalam bahasa Inggeris dengan tidak membuat kesalahan ejaan                           | 6  | 5.0  | 52 | 43.3 | 46 | 38.3 | 14 | 11.7 | 2  | 1.7 | 2.62<br>(0.82)         |
| 17                | Mempengerusikan forum kecil dalam bahasa Inggeris lancar dan betul                           | 33 | 27.5 | 63 | 52.5 | 13 | 10.8 | 9  | 7.5  | 2  | 1.7 | 2.03<br>(0.92)         |
| 18                | Mencatat minit mesyuarat dalam bahasa Inggeris dengan betul                                  | 25 | 20.8 | 60 | 50.0 | 21 | 17.5 | 6  | 5.0  | 8  | 6.7 | 2.27<br>(1.10)         |
| 19                | Menyampaikan ucapan dalam bahasa Inggeris dengan lancar dan betul                            | 26 | 21.7 | 62 | 51.7 | 19 | 15.8 | 8  | 6.7  | 5  | 4.2 | 2.20<br>(0.99)         |
| 20                | Memahami soalan bahasa Inggeris dengan baik                                                  | 4  | 3.3  | 42 | 35.0 | 58 | 48.3 | 7  | 5.8  | 9  | 7.5 | 2.80<br>(0.90)         |
| <b>Min purata</b> |                                                                                              |    |      |    |      |    |      |    |      |    |     | <b>2.44<br/>(0.78)</b> |

(n = 120)

Jadual 3 menunjukkan maklumbalas responden terhadap item-item penguasaan kemahiran berkomunikasi (lisan dan bertulis) dalam bahasa Inggeris. Secara amnya nilai min bagi semua item di atas adalah sederhana iaitu kurang dari 3.66.

Nilai min bagi item ke-2 adalah paling tinggi iaitu 2.90. Analisis item ini menunjukkan seramai 26 orang responden atau 21.6 peratus mampu menyalin nota pembelajaran dengan menggunakan bahasa Inggeris dengan betul.

Item ke-17 pula memperolehi nilai min yang paling rendah iaitu sebanyak 2.03. Item ini menunjukkan seramai 96 orang responden atau 80.3% tidak mampu mempengerusikan forum kecil dalam bahasa Inggeris dengan lancar dan betul.

Secara keseluruhannya tahap penguasaan kemahiran berkomunikasi responden dalam bahasa Inggeris adalah sederhana. Ini dapat dibuktikan dari min purata yang diperolehi iaitu sebanyak 2.44.

## **Perbincangan**

### **Bahagian A – Perbincangan Latar Belakang**

Dalam bahagian ini, sebanyak empat item telah dikemukakan bertujuan untuk mendapatkan data-data peribadi pelajar yang dikaji iaitu seramai 120 orang. Hasil daripada analisis yang dilakukan terhadap dapatan kajian, didapati bahawa tiada perbezaan yang ketara di antara bilangan pelajar lelaki dan perempuan. Pelajar perempuan mewakili 50.8 peratus manakala selebihnya adalah pelajar lelaki iaitu sebanyak 49.2 peratus. Perbezaan yang sedikit antara bilangan pelajar lelaki dan pelajar perempuan dapat mengelakkan daripada berlakunya bias dalam pengiraan ujian-t. Penyelidik juga mendapati majoriti pelajar terdiri dari mereka yang berbangsa Melayu iaitu seramai 108 orang pelajar atau 90 peratus. Selain itu, pelajar yang mempunyai pengalaman mengajar selama 5 hingga 10 tahun adalah paling ramai iaitu seramai 70 orang atau 58.3 peratus. Oleh itu rata-rata pelajar tidak mempunyai masalah dalam penguasaan isi kandungan bagi Mata Pelajaran Kemahiran Hidup kecuali masalah dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran tersebut dalam bahasa Inggeris. Penyelidik juga mendapati bahawa kebanyakan pelajar mendapat Band 2 dalam MUET iaitu 52.5 peratus dan hanya seorang pelajar yang mendapat Band 4 dengan peratus sebanyak 0.8. Penyelidik berpendapat, perkara ini berlaku kerana pelajar kurang terdedah kepada bahasa Inggeris memandangkan hanya bermula dari tahun 2002 pendidikan di Negara kita menekankan pembelajaran di dalam bahasa tersebut. Kerajaan Malaysia juga telah mewajibkan pengajaran dan pembelajaran bagi subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di peringkat sekolah rendah dan menengah mulai tahun 2002.

### **Bahagian B – Perbincangan Persoalan Kajian**

#### **Apakah Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris Dalam Kalangan Pelajar PKPG UTM, Skudai?**

Dalam konteks dunia pendidikan hari ini, seseorang pelajar perlu mempelajari bahasa Inggeris bertujuan untuk memahami bahan-bahan bacaan dalam bahasa Inggeris. Ini adalah kerana bahasa Inggeris merupakan bahasa yang paling utama atau bahasa nombor satu dunia. Ia dilihat sebagai bahasa yang membolehkan penduduk dunia berinteraksi secara mudah dan berkesan di era perkembangan pesat dan teknologi moden seperti pengenalan televisyen satelit, telefon selular dan rangkaian komputer malahan hampir 99 peratus maklumat dalam internet adalah dalam bahasa Inggeris (Ahmad Zahri Jamil, 2002).

Dalam persoalan kajian ini, penyelidik hanya mengenal pasti penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar PKPG dalam tiga bahagian iaitu pengetahuan dalam mata pelajaran yang diajar dalam bahasa Inggeris, penguasaan bahasa Inggeris dalam kelas dan penguasaan kemahiran berkomunikasi (lisan dan



bertulis) dalam bahasa Inggeris. Merujuk kepada analisis yang dilakukan terhadap persoalan kajian di atas, sebanyak 5 item soalan telah dikemukakan untuk mengenal pasti tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran yang diajar dalam bahasa Inggeris. Penyelidik telah mengkaji aspek-aspek yang berkaitan dengan kemampuan untuk membina ayat bahasa Inggeris dengan betul menggunakan perkataan yang baru dipelajari, kemampuan untuk menghasilkan penulisan menggunakan bahasa Inggeris dengan baik, kemampuan untuk menyiapkan tugas dalam bahasa Inggeris dengan betul, kemampuan untuk memahami maksud sesuatu ayat dalam bahasa Inggeris, dan kemampuan untuk membaca frasa ayat dalam bahasa Inggeris dengan sebutan yang betul.

Berdasarkan penganalisan terhadap 5 item ini, didapati min paling tinggi yang diperolehi bagi penguasaan pengetahuan dalam mata pelajaran yang diajar dalam bahasa Inggeris ialah 3.12. Min tersebut adalah bagi item keempat iaitu “memahami maksud sesuatu ayat yang ditulis dalam bahasa Inggeris”. Ini mungkin kerana pelajar telah terdedah kepada bahasa Inggeris sejak di sekolah rendah lagi. Menurut Esa Abd Samad (dalam Adibah Abdul Latiff, 2004), antara kemahiran yang perlu dimantapkan sejak kecil ialah kemahiran berbahasa.

Min tertinggi yang berikutnya ialah bagi item kelima iaitu “membaca frasa ayat yang ditulis dalam bahasa Inggeris dengan sebutan yang betul” dengan min sebanyak 2.98. Menurut Alexander Ogloblin dalam Utusan Malaysia 2002, untuk membaca teks, peringkat minimum yang mesti dimiliki oleh individu ialah 800 hingga 1,000 perkataan untuk teks sederhana dan kamus, 3,000 hingga 4,000 perkataan untuk memahami teks khusus atau kandungan akhbar manakala untuk semua teks termasuk sastera prosa pula memadai 8,000 perkataan.

Seterusnya dengan nilai min sebanyak 2.67 ialah bagi item ketiga iaitu “menyiapkan tugas yang diberikan dalam bahasa Inggeris dengan betul”. Pelaksanaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Mata Pelajaran Sains dan Matematik akan menyebabkan kira-kira 1,000 kursus, terutama berasaskan sains dan teknologi di universiti ketika ini, perlu diajar dalam bahasa itu (New Straits Time, 2002). Ini menyebabkan pelajar tidak dapat lari dari melaksanakan tugas dalam bahasa Inggeris seperti yang diarahkan oleh pensyarah.

Min yang berikutnya adalah 2.46. Min ini diperolehi bagi item pertama iaitu “membina ayat bahasa Inggeris dengan betul menggunakan perkataan yang baru dipelajari”. Mengikut tahap pengelasan Aras Kognitif Taksomi Bloom, aras kognitif yang tinggi iaitu aras sintesis digunakan untuk membina sesuatu ayat.

Item terendah adalah item kedua iaitu “menghasilkan penulisan menggunakan bahasa Inggeris dengan baik”. Min bagi item ini adalah sebanyak 2.25 yang berada pada tahap rendah. Menurut Jeremy Harmer (1998), alasan mengapa perlunya mengajar menulis kepada pelajar yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua ialah untuk peneguhan, perkembangan bahasa, cara pembelajaran dan yang terpenting ialah menulis merupakan satu kemahiran individu.

Hasil dapatan min keseluruhan ialah 2.70. Ini menunjukkan rata-rata mempunyai tahap penguasaan pengetahuan dalam mata pelajaran yang diajar dalam bahasa Inggeris yang sederhana.

Penyelidik juga mengkaji tahap penguasaan bahasa Inggeris di dalam kelas. Sebanyak 5 item soalan telah dikemukakan kepada . Item ke 5 iaitu “memahami arahan yang diberikan secara lisan dalam bahasa Inggeris” memperoleh nilai min yang paling tinggi iaitu 3.14. Dapatan ini dikukuhkan lagi oleh Paul Davies dan Eric Pearce (2000), ramai pelajar yang mengatakan bahawa mereka memahami percakapan yang disampaikan dalam bahasa Inggeris, tetapi mereka tidak boleh membalas percakapan tersebut kerana kurang kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris.

Min kedua tertinggi ialah bagi item pertama iaitu “*memahami pengajaran yang disampaikan dalam bahasa Inggeris dengan baik*”. Min yang diperolehi bagi item ini ialah 2.88. Menurut Paul Davies dan Eric Pearce (2000) dalam pengajaran bahasa, komunikasi terbahagi kepada empat kemahiran utama iaitu mendengar, membaca, menulis dan bercakap .

Min yang berikutnya ialah 2.78 iaitu bagi item ke 4 “*membaca frasa ayat yang ditulis dalam bahasa Inggeris dengan nahu yang betul*”. Menurut David Paul (2003), kemahiran membaca merupakan keupayaan pelajar membaca ayat dengan lancar serta sebutan, intonasi, dan jeda yang betul.

Item ke 3 iaitu “*memahami buku teknikal yang ditulis dalam bahasa Inggeris dengan baik*” memperoleh min sebanyak 2.63. Mengikut statistik DBP, sejak tiga puluh tahun lalu, hanya lapan ratus hingga seribu buah buku pengajian tinggi, diterbitkan dalam bahasa Malaysia dan hampir enam puluh peratus buku-buku ini tidak lagi wujud dalam pasaran (Zalina Yahya, 2005). Oleh itu, pelajar perlu mempunyai penguasaan bahasa Inggeris yang baik jika ingin menimba lebih banyak ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang teknikal.

Min terendah bagi persoalan kajian penguasaan bahasa Inggeris di dalam kelas ialah sebanyak 2.28. Min ini diperolehi dari item ke 2 iaitu, “*berbincang dengan pensyarah menggunakan bahasa Inggeris dengan lancar dan betul*”. Menurut Klein (1986), jika seseorang ingin mempelajari sesuatu bahasa, maka dia perlulah selalu berkomunikasi dengan menggunakan bahasa tersebut. Klein juga mengatakan bahawa salah satu aspek yang diperlukan dalam pembelajaran bahasa kedua ialah menggunakan bahasa tersebut setiap hari.

Secara keseluruhannya dapatlah dirumuskan bahawa sebahagian besar pelajar PKPG mempunyai tahap penguasaan bahasa Inggeris di dalam kelas yang sederhana. Mereka tidak dapat memahami pengajaran yang disampaikan dalam bahasa Inggeris dengan baik. Ini jelas dilihat dari nilai purata min yang diperolehi iaitu sebanyak 2.75. Nilai ini menunjukkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar-pelajar PKPG UTM, Skudai adalah pada tahap yang sederhana. Walaubagaimanapun, dapatan kajian ini adalah lebih baik daripada dapatan yang diperolehi oleh Surif , Johari dll (2006) yang mendapati faktor bahasa pengantar (bahasa Inggeris) dan tahap penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar berada pada tahap yang rendah dengan purata skor min masing-masing adalah 2.24 dan 2.29, ini menunjukkan masalah pembelajaran dalam bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar adalah disebabkan masalah bahasa pengantar (bahasa Inggeris) dan tahap penguasaan bahasa Inggeris pelajar.

Bahagian ketiga yang dikaji ialah penguasaan kemahiran berkomunikasi (lisan dan bertulis) dalam bahasa Inggeris. Menurut Paul Davies dan Eric Pearce (2000) dalam pengajaran bahasa, komunikasi terbahagi kepada empat kemahiran utama iaitu mendengar, membaca, menulis dan bercakap. Kemahiran mendengar dan membaca merupakan kemahiran-kemahiran menerima, manakala kemahiran bercakap dan menulis adalah merupakan kemahiran yang memerlukan kita memberi.

Dalam bahagian ini, sebanyak 10 item telah dikemukakan. Merujuk kepada analisis yang telah dilakukan, keseluruhan item memberikan nilai min yang sederhana. Item ke 2 memperoleh nilai min yang paling tinggi iaitu sebanyak 2.90, manakala nilai min bagi item ke 7 pula adalah paling rendah iaitu sebanyak 2.03. Nilai purata min yang diperolehi juga adalah sederhana iaitu 2.44. Ini menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran berkomunikasi (lisan dan bertulis) dalam bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar PKPG UTM, Skudai adalah ditahap sederhana.

## **Apakah tahap penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar PKPG UTM, Skudai ?**

Menurut Klein (1986), jika seseorang ingin mempelajari sesuatu bahasa, maka dia perlulah selalu berkomunikasi dengan menggunakan bahasa tersebut. Klein juga mengatakan bahawa salah satu aspek yang diperlukan dalam pembelajaran bahasa kedua ialah menggunakan bahasa tersebut setiap hari.

Dalam persoalan kajian ini, penyelidik hanya melihat sejauh mana tahap penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar PKPG dalam tiga bahagian iaitu penggunaan bahasa Inggeris dalam komunikasi secara lisan, penggunaan bahasa Inggeris semasa membuat rujukan dan penggunaan bahasa Inggeris dalam kehidupan harian. Merujuk kepada analisis yang dilakukan terhadap persoalan kajian di atas, sebanyak 5 item soalan telah dikemukakan untuk mengetahui tahap penggunaan bahasa Inggeris dalam komunikasi secara lisan. Aspek-aspek yang dikaji adalah berkaitan dengan penggunaan bahasa Inggeris ketika berbincang dengan pensyarah, bercakap dengan kawan-kawan, perbincangan di dalam kumpulan, ketika berurus niaga dan ketika memberi arahan.

Berdasarkan analisis yang dilakukan kepada 5 item di atas, item ke 5 memperolehi nilai min yang paling tinggi iaitu 3.04. Item pertama pula memperolehi nilai min yang paling rendah iaitu 2.20. Secara keseluruhannya, penyelidik mendapati bahawa sebilangan besar hampir tidak pernah menggunakan bahasa Inggeris dalam aspek yang dikaji iaitu dalam komunikasi secara lisan, ketika membuat rujukan dan dalam kehidupan harian mereka. Menurut Mohd Azrol (2004) sifat malu bertutur dalam bahasa Inggeris dikesan sebagai antara punca utama tahap penguasaan pelajar melayu dan bahasa antarabangsa itu berada pada tahap lemah berbanding bangsa lain. Menurut Aida Walqui (2000) pula, minat terhadap bahasa kedua yang besar dalam diri pelajar, rakan sekumpulan, sekolah, jiran dan masyarakat boleh memberi kesan yang hebat kepada proses pembelajaran bahasa Inggeris. Oleh itu, untuk mempertingkatkan penggunaan dan penguasaan bahasa Inggeris, sikap untuk menggunakan dan menguasai bahasa Inggeris ini bukan sahaja mesti wujud dalam diri pelajar tetapi perlu juga wujud pada rakan, jiran dan masyarakat.

## **Adakah terdapat hubungan di antara penguasaan dan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar PKPG UTM, Skudai ?**

Berdasarkan analisis data yang telah dilakukan, penyelidik mendapati bahawa terdapat hubungan signifikan yang tinggi di antara penguasaan dan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar PKPG UTM, Skudai.

Daripada analisis untuk mengenal pasti hubungan di antara penguasaan bahasa Inggeris dan penggunaan bahasa tersebut, nilai korelasi yang diperolehi ialah 0.709 pada aras keertian 0.05. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara penguasaan bahasa Inggeris dengan penggunaan bahasa tersebut dalam kalangan pelajar PKPG UTM, Skudai. Penyelidik mengandaikan bahawa semakin baik tahap penguasaan bahasa Inggeris seseorang pelajar, maka semakin kerap pelajar tersebut menggunakan bahasa tersebut dan sebaliknya. Dapatan kajian ini disokong oleh Klein (1986), jika seseorang ingin mempelajari sesuatu bahasa, maka dia perlulah selalu berkomunikasi dengan menggunakan bahasa tersebut. Klein juga mengatakan bahawa salah satu aspek yang diperlukan dalam pembelajaran bahasa kedua ialah menggunakan bahasa tersebut setiap hari.

## **Adakah terdapat perbezaan di antara penguasaan dan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar PKPG UTM, Skudai merentas jantina?**

Penyelidik telah melihat dua perbezaan dalam persoalan kajian ini iaitu dari aspek penguasaan dan juga penggunaan bahasa Inggeris. Hasil analisis yang dilakukan menunjukkan terdapat perbezaan yang

signifikan terhadap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar PKPG UTM, Skudai merentas jantina.

Ini dibuktikan oleh nilai signifikan yang diperolehi ialah 0.040. Kesemua nilai ini menunjukkan satu keputusan yang signifikan pada aras 0.05. Oleh itu dapatlah disimpulkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar PKPG UTM, Skudai merentas jantina. Min yang diperolehi bagi pelajar perempuan ialah 2.765, manakala bagi pelajar lelaki pula ialah 2.481. Oleh itu tahap penguasaan pelajar perempuan adalah lebih baik daripada pelajar lelaki. Di sini penyelidik berpendapat, tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar lelaki lebih rendah daripada pelajar perempuan adalah kerana pelajar lelaki lebih berminat dalam Mata Pelajaran Matematik dan Sains berbanding mata pelajaran bahasa. Ini disokong oleh dapatan kajian oleh Prueet (dalam Govindasamy Kolendai, 1998) yang menyatakan bahawa pencapaian pelajar lelaki adalah lebih tinggi daripada pelajar perempuan dalam Mata Pelajaran Matematik. Selain itu, kajian oleh Entwistle dan Duckworth (1977) dan Stadler et al. (2000) dalam Mohd Ali Samsudin, et. al mendapati fizik merupakan mata pelajaran yang lebih cenderung kepada pelajar lelaki berbanding pelajar perempuan. Dari aspek penggunaan pula, nilai signifikan yang diperolehi ialah 0.066. Nilai ini menunjukkan satu keputusan yang signifikan pada aras 0.05. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar PKPG UTM, Skudai merentas jantina.

## **Rumusan**

Berdasarkan analisis data dan perbincangan mengenai hasil dapatan, dapatlah disimpulkan bahawa :

- i) Hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan adalah pada tahap sederhana. Mereka tidak dapat menguasai kemahiran berkomunikasi secara lisan dan bertulis dalam bahasa Inggeris dengan baik, tidak menguasai pengetahuan dalam mata pelajaran yang diajar dalam bahasa Inggeris dengan baik dan kurang penguasaan bagi bahasa tersebut di dalam kelas. Tahap penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan juga adalah pada tahap sederhana. Dapatan menunjukkan bahawa sebilangan besar kurang menggunakan bahasa Inggeris sama ada dalam komunikasi, membuat rujukan ataupun aktiviti harian mereka.
- ii) Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang tinggi di antara penguasaan dan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar PKPG UTM, Skudai. Nilai korelasi yang diperolehi ialah 0.709. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara penguasaan bahasa Inggeris dengan penggunaan bahasa tersebut dalam kalangan pelajar PKPG UTM, Skudai. Penyelidik mengandaikan bahawa semakin baik tahap penguasaan bahasa Inggeris seseorang pelajar, maka semakin kerap pelajar tersebut menggunakan bahasa tersebut dan sebaliknya. Dapatan kajian ini disokong oleh Klein (1986), jika seseorang ingin mempelajari sesuatu bahasa, maka dia perlulah selalu berkomunikasi dengan menggunakan bahasa tersebut. Klein juga mengatakan bahawa salah satu aspek yang diperlukan dalam pembelajaran bahasa kedua ialah menggunakan bahasa tersebut setiap hari.
- iii) Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan di antara penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar PKPG UTM, Skudai merentas jantina. Dari aspek penggunaan pula, nilai signifikan yang diperolehi ialah 0.066. Nilai ini menunjukkan satu keputusan yang signifikan pada aras 0.05. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar PKPG UTM, Skudai merentas jantina.

## Rujukan

- Adibah Abdul Latiff ( 2004 ). “Perkaitan Antara Tahap Kemahiran Generik Dengan Prestasi Pelajar : Kajian Kes Terhadap Pelajar Tahun Akhir Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia”. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana
- Ahmad Tajudin Ab. Rahman (1997). “Persepsi Terhadap Penguasaan Dan Penggunaan Bahasa Inggeris Di Kalangan Pelajar SPH, UTM Johor Bahru.” Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Ijazah Sarjana Muda
- Ahmad Zahri Jamil (2002). “Melayu, Bahasa dan Budaya.” Dewan Bahasa. Aida Walqui (2000). “Contextual Factors in Second Language Aquisition”. *Eric Digest.Hlmn. 01-05*
- Aris, A.P., dan Azizuddin, N., (2003). *Persepsi Guru-guru Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Menggunakan Bahasa Inggeris Dalam Mata Pelajaran Sains dan Matematik Tingkatan Satu*. Prosiding Seminar Kebangsaan Memperkasakan Sistem Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Aziz Nordin dan Wahidi Rosni (2004). Pandangan guru pelatih terhadap pembelajaran dan pengajaran sains dalam bahasa Inggeris. *Buletin Persatuan Sains dan Matematik Johor*. 13(1), m.s 64